

JULAI 2020

cassia

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT



SAHABAT Gajah Angkat FGV

NOTA GCEO

Penyataan Komitmen FGV Holdings Berhad Dalam Menggalas Standard Perburuhan

Sebagai salah sebuah syarikat peneraju perniagaan tani dan entiti korporat yang bertanggungjawab di Malaysia, FGV Holdings Berhad (FGV) komited dalam menghormati hak pekerja dengan menggalas standard perburuhan antarabangsa di seluruh operasinya. Salah satu usaha memenuhi komitmen ini ialah dengan menganggotai *Fair Labor Association* (FLA) iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dari segi sosial, universiti-universiti dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia serta menambahbaik keadaan di tempat kerja di seluruh dunia.

Selaku anggota FLA, FGV dikehendaki melaksanakan satu program jangka masa panjang bagi menangani dan mengatasi sebarang kelemahan dalam amalan perburuhan di FGV. Skop program ini merangkumi penilaian bebas oleh pihak ketiga ke atas komitmen dasar serta amalan perburuhan FGV, penyelarasan dasar berkaitan perburuhan dengan standard antarabangsa yang diiktiraf, aktiviti memupuk kesedaran dalaman berhubung dasar-dasar berkaitan, penglibatan pihak berkepentingan serta aktiviti penilaian dan pengesanan di lapangan.

Dengan keanggotaan ini, FGV telah bersetuju untuk menyelaraskan semua dasar dan amalan perburuhannya dengan Kod Tatacara Tempat Kerja (CoC) serta Prinsip-prinsip Perburuhan Adil dan Penyumberan Bertanggungjawab bagi Syarikat Rantaian Bekalan Pertanian (Prinsip) oleh FLA. Kedua-dua dokumen ini adalah berdasarkan standard dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa termasuk Piagam Hak Asasi Manusia Antarabangsa (International Bill of Human Rights) serta standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) khususnya Deklarasi ILO berkenaan Prinsip-prinsip Asas dan Hak di

Tempat Kerja. Dokumen ini juga mendukung Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGPs) dan Panduan OECD-FAO bagi Rantaian Bekalan Pertanian Bertanggungjawab. Sekiranya terdapat cabaran dalam mencapai penyelarasan sepenuhnya terhadap standard-standard ini, FGV akan terus berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut.

Dalam jangka masa pendek, FGV komited untuk menerapkan elemen-elemen penting CoC ke dalam dasar dan prosedur Syarikat, memperkukuhkan prosedur pengambilan pekerja di samping menambahbaik program-program pembinaan keupayaan dan juga mekanisma rungutan.

Komitmen-komitmen ini telah digariskan dalam Pelan Tindakan 2020 yang telah disiarkan pada bulan Mac yang lalu, yang mengandungi beberapa tindakan termasuk antaranya semakan semula Kod Tatacara Pembekal (SCOC) dalam masa setahun keanggotaan selaras keperluan yang ditetapkan oleh FLA. Semakan semula SCOC dan beberapa langkah lain sedang giat diusahakan.

Pelan Tindakan 2020 tersebut adalah sebahagian daripada program lima tahun FGV, yang telah dibangunkan berdasarkan penanda aras yang telah ditetapkan di dalam Prinsip-prinsip FLA. Kemajuan FGV dalam melaksanakan pelan tindakan ini akan dinilai secara berkala oleh FLA manakala hasil penemuan penilaian ini akan diterbitkan kepada umum.

Adalah menjadi keutamaan buat FGV untuk mencapai matlamat kerjasama dengan FLA, dan ia membuktikan komitmen kita terhadap amalan perniagaan beretika dan bertanggungjawab selain menghormati hak-hak asasi manusia dan menggalas standard perburuhan.



Dato' Haris Fadzilah Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
FGV Holdings Berhad

DATUK WIRA AZHAR Dilanjutkan Sebagai Pengerusi FGV

FGV Holdings Berhad (FGV) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Menteri Kewangan (Diperbadankan) sebagai Pemegang Saham Khas Syarikat, telah melanjutkan tempoh Datuk Wira Azhar Abdul Hamid sebagai Pengarah yang dilantik oleh Kerajaan dan Pengerusi Lembaga Pengarah FGV berkuatkuasa 8 September 2020.

Datuk Wira Azhar telah dilantik sebagai Pengerusi FGV sejak 11 September 2017. Di bawah kepimpinan beliau, usaha melaksanakan pelan transformasi FGV akan diteruskan demi merealisasikan kejayaan syarikat, justeru memberi pulangan kepada pihak berkepentingan dan pemegang saham FGV.

STRUKTUR BAHARU & PERGERAKAN Pengurusan Utama Sektor Perladangan

EN. SUHAIDI HAMZAH

Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

EN. MOHD SARIAN MD SAHID

Ketua Jabatan Operasi Ladang dan Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd, selain kekal sebagai Ketua Bahagian Huluan.

EN. ZULKIFLI OTHMAN

Ketua Bahagian Hiliran dan Ketua Jabatan Pembangunan Perniagaan & Pemasaran.

EN. JASNI MUHAMAD

Ketua Bahagian Pemasaran & Perdagangan dan Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Trading Sdn Bhd.

EN. ABDUL RAHMAN LEE ABDULLAH

Ketua Pegawai Eksekutif, FGVPU India Pvt Ltd.

EN. HASNI AHMAD

Ketua Jabatan Operasi Hiliran, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Refineries Sdn Bhd dan Ketua Pegawai Eksekutif Delima Oil Products (DOP) Sdn Bhd.

EN. ROMZI ISHAK

Ketua Pegawai Eksekutif FGV Agri Services Sdn Bhd dan melapor kepada Ketua Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D).

EN. HAMDAN ISMAIL

Ketua Pegawai Eksekutif FGV Applied Technologies Sdn Bhd.

EN. ABDUL HALIM ZAINAL ABIDIN

Ketua Mekanisasi & Pematuhan untuk FGV Applied Technologies Sdn Bhd.

EN. SAMSUDDIN YASIR

Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Fertiliser Sdn Bhd.

EN. MOHAMAD TAUFIK ISMAIL

Ketua Operasi & Pemasaran untuk FGV Fertiliser Sdn Bhd.

EN. NORLI MANAF

Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Rubber Industries Sdn Bhd.

EN. MOHD ARIS OMAR

Ketua Jabatan Kejuruteraan Perladangan.

EN. MOHD AZAM SI RAJAB

Ketua Perdagangan.

PENGUMUMAN Ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan Baharu



EN. VINCENT CHUI TEE SUAN
Ketua Pegawai Produk Pengguna
(CCPO)



EN. RAZAK AYA
Ketua Bahagian
Pertanian Bersepadu



WIRA FGV

Bantu Operasi Menyelamat 'Sahabat'

Di sebalik misi menyelamatkan Sahabat, anak gajah yang dijumpai di Ladang Sahabat 54 baru-baru ini, terdapat seribu satu hikmah dan pengajaran yang berharga bagi petugas FGV yang terlibat.

En. Mohamad Soleh Jasni, Pengurus Ladang Sahabat 54 tidak menyangka misi menyelamatkan dan menjaga Sahabat menjadi titik tolak penyatuan dan kerjasama yang lebih kuat antara ramai pihak terutamanya mereka di Ladang 54, Ladang 43, Ladang 30 bersama Jabatan Hidupan Liar Sabah.

En. Soleh berbangga dan berterima kasih kepada pihak yang terlibat dalam misi menyelamatkan Sahabat. Beliau menghargai bantuan yang diberikan oleh pihak Jabatan Hidupan Liar Sabah yang memastikan kesihatan Sahabat sentiasa berada dalam keadaan baik. Tidak lupa juga kepada pihak-pihak Ladang 30 dan 43 yang telah membantu usaha memindahkan Sahabat ke Taman Perlindungan Hidupan Liar di Lok Kawi.

Tambah beliau, keikhlasan menjaga Sahabat berjaya mengubah persepsi dan tanggapan negatif masyarakat awam yang mengaitkan ladang-ladang sebagai tidak mesra dengan hidupan liar. Ini memberikan impak yang sangat positif terhadap imej ladang serta membangkitkan semangat pekerja-pekerja dalam memberikan tumpuan dari segi penjagaan hidupan liar dan alam sekitar.

"Saya berharap kita semua boleh mengambil iktibar melalui pengalaman ini. Kita haruslah sentiasa memberikan yang terbaik dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan dan tidak mengharapkan sebarang balasan atau ganjaran kerana terdapat hikmah dan rahmat disebaliknya," kata beliau mengakhiri wawancara.



Trak Pembuangan



Treler Tirai Tepi



Trak Metil Ester Sawit (PME)

FGV TAMBAH ASET Kukuhkan Perniagaan Logistik

FGV Holdings Berhad (FGV) akan meningkatkan pendapatan dalam perniagaan logistik diceburi dengan menambah bilangan aset dimiliki seperti lori tangki, treler tirai tepi dan trak pembuang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Dato'Haris Fadzilah Hassan berkata, aset tambahan itu dijangka mampu meningkatkan kekuatan logistiknya di bawah FGV Transport Sdn Bhd (FGV Transport).

FGV Transport memainkan peranan penting dalam rantai bekalan syarikat, sekali gus menjadi pengendali pengangkutan produk sawit terbesar di negara ini.

FGV merancang untuk mengembangkan lagi perniagaan diceburi sebagai penyedia perkhidmatan logistik yang cekap dan boleh dipercayai sejajar dengan permintaan industri.

FGV Transport memiliki hampir 500 kenderaan merangkumi lori tangki, kargo dan kurier serta 14 hab termasuk lima depot utama serta sembilan sub-depot.

KETANGKASAN DI DALAM PEROLEHAN



Ketangkasan di dalam perolehan yang menjadi topik yang dibincangkan di Persidangan Maya ProcureCon Asia bermaksud adalah dengan menjadi lebih produktif, berorientasikan pelanggan serta menjadi lebih efisien dan berkesan di dalam dunia yang penuh pergolakan dan tidak menentu termasuklah berfikir dan bertindak dengan cepat apabila berhadapan dengan masalah.

Dr. Christina mengunjurkan agar syarikat-syarikat mengadakan KPI bersama dengan pihak berkepentingan dalaman agar Perolehan 100% sejajar dengan mereka agar pihak berkepentingan dalaman akan melihat Perolehan sebagai penasihat dan rakan perniagaan mereka yang dipercayai.

"Pasukan Perolehan yang tangkas perlu dibentuk dari orang dalaman kerana petugas kita sendiri tahu yang terbaik tentang budaya dalaman dan iklim organisasi - ketegangan dalaman, tekanan dalaman, pemain dalaman, kegembiraan dalaman, dan yang paling penting, sentimen dalaman sejarah dan warisan organisasi.

"Oleh itu, Bahagian Perolehan mesti terus menerus mendorong seluruh organisasi untuk melihat Perolehan dari perspektif baru - bukan sebagai fungsi pejabat di belakang pentadbiran, bukan sebagai pasukan taktik reaktif, dan bukan sekadar menjadi pelulus," ujar Dr Christina.

FGV LUASKAN PERNIAGAAN MAKANAN HAIWAN

Melalui Pongedar PKS di Seluruh Negara



FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian perkongsian pengedaran dengan My Agro Hub Resources (My Agro Hub) untuk memasarkan anggaran 30 MT setiap bulan, makanan haiwan yang diformulasikan kepada petani lembu tenusu, lembu daging dan kambing di Negeri Sembilan dan Melaka.

"Di bawah sektor Pertanian Bersepadu, makanan dan protein haiwan telah dikenal pasti sebagai aliran pendapatan yang semakin penting bagi

Kumpulan. Dengan lebih bahan mentah yang berasal dari ladang dan kilang kelapa sawit kami, kami dapat menghasilkan sehingga 400,000 MT makanan haiwan berkhasiat setiap tahun. Sumber dedak isirung sawit yang diperolehi secara dalaman sebagai salah satu ramuan makanan haiwan sangat penting untuk memastikan makanan ini dihasilkan dengan standard yang tinggi demi menjaga kualiti dan kesihatan ternakan."

- Dato' Haris Fadzilah Hassan

Rancangan membangunkan kawasan pertanian baharu yang dinamakan Lembah Makanan Agro FGV di Chuping, Perlis. dijangka membawa perubahan kepada landskap industri pertanian di Perlis kerana menggunakan pendekatan Revolusi Industri 4.0 yang menggabungkan teknologi dan mekanisme moden, pembangunan mampan serta aktiviti bernilai tambah.

Pembangunan bersepadu bagi tanah seluas 4,400 hektar itu menyasarkan penanaman hasil alternatif berkualiti tinggi di dalam empat sektor makanan agro utama termasuk ubi kayu bagi penghasilan kanji, nenas premium MD2, mangga harum manis dan pengeluaran makanan ternakan berasaskan produk sampingan kanji dan biomas ubi kayu,"

PEMBANGUNAN LEMBAH MAKANAN AGRO FGV AKAN DIPERCEPATKAN

FGV juga merancang untuk membina kilang dengan kapasiti 50,000 tan setahun bagi pengeluaran kanji ubi kayu dan maltodextrin.

Pembangunan Lembah Makanan Agro FGV itu akan menawarkan lebih 300 peluang pekerjaan kepada warga tempatan serta menyediakan prospek perniagaan untuk petani dan belia tani tempatan terutama dalam kumpulan B40 melalui kontrak pertanian serta industri sokongan seperti logistik dan pembekalan.



PENYELIDIKAN KLON PISANG FGV

Bakal Tampung 30 Peratus Permintaan Negara

Usaha penyelidikan klon pisang FGV Holdings Bhd nampaknya bakal membuahkan hasil apabila ia dijangka menampung kira-kira 30 peratus daripada permintaan negara terhadap buah tersebut menjelang 2021.

Pusat Inovasi FGV di Bandar Enstek, Negeri Sembilan telah menghasilkan pelbagai klon pisang sejak 2004, dengan pengeluaran bermula pada 2007 bagi memenuhi permintaan terhadap tanaman selingan semasa penanaman semula kelapa sawit dan pengusaha tanaman pisang di Malaysia.

Tanaman induk klon pisang berangan FGV diperakui oleh Jabatan Pertanian di bawah Skim Pengesahan Bahan Penanaman.

Anak benih klon pisang yang dihasilkan FGV bebas penyakit, mempunyai pertumbuhan seragam dan boleh menghasilkan hasil lebih awal.

Anak benih klon pisang FGV yang termasuk pisang tanduk, lang, nipah, nangka, rastali, mas dan lemak manis boleh dibeli secara pukal di lima nurseri dan cawangannya di Bandar Enstek (Negeri Sembilan), Trolak (Perak), Jerantut (Pahang), Bukit Tongkat (Johor), dan Lahad Datu (Sabah). Anak benih itu juga dijual secara dalam talian menerusi Shopee di bawah FGV Agri Services Sdn Bhd.

Dapatkan Di Pasaran Produk Terbaru Keluaran FGV Agri Services & FGV Fertiliser



(LiqGro63, TopGro88, MycoGro500)
<https://shopee.com.my/fgvagriservicessdnbhd> | <https://fgvagri.com>

(Baja Subur SF65)
 Commercial & Sales FGV Fertiliser | +60 14-277 4974

TAHNIAH

Senarai Pemenang Peraduan Silangkata
SOP Kumpulan FGV Kawalan Di Tempat Kerja

Rohaidah Maswan
FGV SSC

Hazizan Mohamed
FGVPM


Siti Nurhannim Mazuki
MSM Holdings

Rosfadzilah Rosli
FGVRD

Muhammad Qutb Arif
FGVHB

*Pemenang akan dihubungi oleh
Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan*

Jawapan:



Semarakkan semangat Merdeka ke-63 dan Hari Malaysia yang ke-57 dengan ber-selfie / wefie penuh kreatif bersama-sama Jalur Gemilang. Inilah masanya untuk anda meluahkan rasa sayang pada negara kita dan **gambar terbaik akan dipilih menjadi muka depan CASSIA!**

*Selfie/
Wefie
#Negaraku*

Hantarkan gambar menarik anda beresolusi sekurang-kurangnya **2MB berbentuk menegak (potret) sebelum 28 Ogos ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com**

10 gambar dan ucapan terbaik juga akan menerima hadiah istimewa barangan keluaran FGV.

Penyertaan terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya). Jangan lupa sertakan nama penuh, emel dan nombor telefon untuk dihubungi.

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan
groupstrategiccomms@fgvholdings.com

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

